

# Sijil vaksinasi Malaysia, Singapura dilindungi teknologi blok rantai


**Kuala Lumpur:** Sijil vaksinasi digital Malaysia dan Singapura dilindungi teknologi keselamatan blok rantai (*blockchain*), selain dilengkapi ciri mengesan kelompok botol vaksin yang tepat untuk kegunaan inokulasi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata demikian di Facebook mengenai perkara dibincangkan dalam pertemuan dengan Menteri Luar Singapura, Dr Vivian Balakrishnan, di Putrajaya, kelmarin.

“Saling boleh kendali antara sistem pensijilan digital yang digunakan kedua-dua negara sangat penting terutama bagi memastikan piawaian ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) dan negara-negara lain,” katanya seperti dilaporkan BERNAMA.

Kedua-dua menteri juga membincangkan mengenai rancangan imunisasi kebangsaan masing-masing dan pertukaran amalan terbaik serta pengiktirafan dan perakuan sijil vaksinasi bagi tujuan pembukaan sempadan.

Malaysia dan Singapura juga komited untuk meneruskan



**Khairy Jamaluddin**

kerjasama erat bagi tujuan pemulihan pasca-pandemik.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata syarikat pengeluar vaksin, AstraZeneca Sdn Bhd sudah mengadakan pertemuan dengan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) pada 17 Mac lalu bagi menjelaskan mengenai situasi sebenar keselamatan vaksin dan kesan sampingan pengumpulan darah atau *thromboembolic events* selepas vaksinasi.

AstraZeneca memaklumkan hingga 8 Mac lalu, 17 juta orang awam sudah menerima vaksin terbabit di negara Kesatuan Eropah (EU) dan United Kingdom (UK).

“Daripada kalangan penerima vaksin, terdapat 15 kes darah beku dalam urat (sindrom Deep Vein Trombosis atau DVT), manakala 22 kes lagi membabitkan darah beku di saluran paru-paru atau *Pulmonary Embolism*. Penilaian terperinci daripada semua kes ini sudah dibuat pihak syarikat dan merumuskan tiada sebarang bukti kukuh dapat mengaitkan vaksin COVID-19 AstraZeneca dengan risiko berlakunya kes pengumpulan darah berkenaan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Adham berkata, hal itu turut disokong pihak European Medicines Agency (EMA) dan merumuskan vaksin COVID-19 AstraZeneca adalah selamat digunakan.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil maklum isu status keselamatan penggunaan vaksin COVID-19 AstraZeneca yang tular di luar negara dan menegaskan vaksin keluaran syarikat itu selamat digunakan di Malaysia.

“Data keselamatan vaksin COVID-19 AstraZeneca yang diperoleh daripada kajian klinikal setakat 4 November lalu membabitkan kira-kira 12,000 sukarelawan menunjukkan tiada

kesan sampingan yang teruk dilaporkan. Kesan sampingan sering dilaporkan adalah sakit pada tempat suntikan, keletihan dan pening kepala serta dilaporkan sebagai *mild* atau *moderate*.

“Data juga menunjukkan kesan sampingan ini dilaporkan berkurang pada suntikan dos kedua berbanding dos pertama. Kajian klinikal turut merumuskan tiada isu keselamatan berkenaan kesan ke atas profil dan kandungan darah (termasuk pengumpulan darah) selepas menerima suntikan vaksin ini,” katanya.

Selain itu, Dr Adham berkata, vaksin Pfizer-BioNTech yang dihantar ke Malaysia tiada kerosakan pada pembungkusan atau lewat terima seperti berlaku di beberapa negara.

“(Sehubungan itu) kita tidak lakukan (penangguhan penggunaan vaksin Pfizer) seperti di Hong Kong, sebab setakat ini semua vaksin dibekalkan di negara kita tidak ada apa-apa kegagalan bungkusan atau kelewatan penghantaran,” katanya ketika dihubungi.

Beliau mengulas isu penangguhan penggunaan vaksin Pfizer di Hong Kong dan Macau, China selepas ada masalah pada pembungkusan sebilangan botol.